

# Apa dosa bayi ini?

Bayi tidak cukup bulan dibuang di tong sampah, seorang lagi ditinggal depan rumah polis

NORDIANA JOHARI, M JEFFRI  
RAZALI & NURUL HUDA HUSAIN

## Selongkar sampah cari mayat bayi dibuang

**BANDARAYA MELAKA** - Anggota Forensik terpaksa menyelongkar longgokan sampah di tempat pengumpulan sampah Hospital Melaka (HM), semalam untuk mencari mayat bayi tidak cukup bulan yang dibuang seorang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kelmarin.

Dengan dibantu pekerja syarikat selenggara sampah, usaha mencari yang dijalankan sejak petang kelmarin, sebelum dihentikan malam semalam dan disambung tengahari, semalam.

Bagaimanapun, usaha menyelongkar satu persatu plastik sampah itu berhasil apabila janin berusia lima bulan itu ditemui kira-kira 1.50 petang semalam oleh salah seorang pekerja syarikat selenggara sampah itu.

Bayi tidak cukup bulan itu dibuang di dalam tong sampah oleh pelajar IPT berusia 22 tahun

itu, selepas bersalin di tandas unit kecemasan HM kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Bagaimanapun, sampah di dalam tong berkenaan sudah diangkut sebelum dibuang ke dalam pusat pengumpulan sampah menyebabkan usaha mencari dalam longgokan sampah di situ terpaksa dilakukan.

Ketua Polis Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisyoner Mohd Adnan Abdullah berkata, suspek mengaku melahirkan bayi itu.

"Suspek mengadu sakit perut dan menjalani rawatan di wad kecemasan HM, kelmarin. Kejadian disedari selepas kakitangan merawat suspek mendapati dia baru sahaja melahirkan bayi," katanya.

Ekoran daripada kejadian itu, pegawai perubatan hospital membuat laporan polis kira-kira 7 malam.



● Anggota polis sedang menjalankan siasatan di tempat bayi berkenaan ditemui.

"Namun, bayi berkenaan sudah dibuang tanpa disedari pihak yang bertanggungjawab menguruskan sampah di hospital itu," katanya kepada pemberita pada sidang media di Ibu



● Mayat bayi lelaki yang ditemui di antara longgokan sampah di tempat pengumpulan sampah Hospital Melaka.

Pejabat Kontinjen Polis (IPK) di sini, semalam.

Berikutan itu, katanya, suspek wanita bersama teman lelakinya juga pelajar IPT direman sehingga Sabtu ini.

"Siasatan dilakukan di bawah Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan boleh dikenakan hukuman dua tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," katanya.